

31/03/1998

Ujian semua sistem di KLIA Jun

SEPANG, Isnin -Walaupun Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dijadual beroperasi Jun ini, ujian sistem menyeluruh membabitkan semua komponen utama hanya bermula Mei ini iaitu sebulan sebelum operasi komersil bermula.

Selain itu, pelaksanaan integrasi Sistem Pengurusan Lapangan Terbang Menyeluruh (TAMS) yang menjadi asas pengurusan KLIA hanya dilaksanakan pada Mei ini.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata kelewatan pelaksanaan ujian sistem menyeluruh termasuk TAMS itu dijangka tidak memberi kesan kepada tarikh pembukaan KLIA.

Bagaimanapun, ketika ditanya sama ada kerajaan benar-benar yakin KLIA boleh dibuka menjelang Jun ini, beliau enggan memberi komitmen sebaliknya menganggap tarikh sebenar akan ditentukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kerajaan diberi jaminan oleh KLIA Berhad (KLIAB) bahawa semua infrastruktur asas lapangan terbang itu siap menjelang bulan depan untuk membolehkan ujian menyeluruh dilaksanakan segera.

"Sehubungan itu, bulan depan amat penting bagi KLIAB dan kita berharap segala-galanya berjalan lancar," katanya selepas mendengar taklimat mengenai perkembangan projek berharga RM9 bilion itu di pejabat tapak KLIAB, hari ini.

(END)